



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA (JPJ)

HEBAHAN PEMANGGILAN SEMULA 430 UNIT KENDERAAN BUATAN HONDA MODEL CMX500A DAN CBR650RAC

PUTRAJAYA - Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) ingin memaklumkan bahawa **Boon Siew Honda Sdn. Bhd.** Akan melaksanakan **pemanggilan semula** melibatkan **430 unit motosikal Honda model CMX500A dan CBR650RAC**, susulan pengesanan isu teknikal yang berpotensi menjejaskan aspek keselamatan kenderaan.

Aktiviti pemanggilan semula tersebut akan dilaksanakan bermula **25 Mei 2026** melibatkan model yang dikenal pasti terjejas bagi **tujuan pemeriksaan dan tindakan pembetulan** terhadap komponen berkaitan. Perincian aktiviti pemanggilan semula kenderaan bagi buatan HONDA adalah seperti berikut :

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	CMX500A	2023 - 2024	160	<i>Handle Lock Screw Loosening</i>
2.	CBR650RAC	2024 - 2025	270	<i>Wire Harness Short Circuit</i>

Semua pemilik kenderaan yang terlibat akan dihubungi oleh **pihak Boon Siew Honda Sdn. Bhd.** bagi proses penyelarasan slot pemeriksaan kenderaan masing-masing. Pemilik kenderaan juga turut dibenarkan hadir secara **walk-in ke mana-mana pusat servis** yang berhampiran di seluruh negara.

Sebarang komponen yang dikenal pasti terlibat akan **digantikan dengan kos yang ditanggung oleh Boon Siew Honda Sdn. Bhd.** Oleh yang demikian, semua pemilik kenderaan model yang terlibat adalah dimohon untuk **membuat perancangan** bagi membolehkan proses **pemanggilan semula dan pemeriksaan kenderaan** dapat dijalankan secepat mungkin.

Maklumat lanjut berkenaan proses pemanggilan semula ini, pemilik kenderaan boleh **ke mana-mana pusat jualan/perkhidmatan Boon Siew Honda Sdn. Bhd.** yang berdekatan atau menghubungi maklumat yang tertera :

Boon Siew Honda Sdn. Bhd.

Hotline : 04-506 3333

Hubungi : 03-6144 0963

Emel : enquiry@bswhonda.com.my

Layari : <https://boonsiewhonda.com.my>

Pihak JPJ akan **memantau pelaksanaan proses pemanggilan semula** ini dan komited untuk memastikan semua unit kenderaan yang terlibat akan **menjalani pemeriksaan dan disahkan selamat** untuk digunakan di jalan raya.

KETUA PENGARAH

PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

13 MEI 2026

[TAMAT]